

Kajian Takhrij Hadith bagi Sukatan Pelajaran Sekolah-sekolah di Malaysia

**Abdul Rasydan Mohamad Rusli¹, Ahmad Sanusi Azmi², Amran Abdul Halim²,
Azwira Ab Aziz¹**

¹Kolej Universiti Islam Perlis, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

²Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
abdul.rasydan93@gmail.com

Published: 30 April 2024

To cite this article (APA): Mohamad Rusli, A. R., Azmi, A. S., Abdul Halim, A., & Abdul Aziz, A. (2024). Kajian Takhrij Hadith bagi Sukatan Pelajaran Sekolah-sekolah di Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(1), 89–96. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.1.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol10.1.8.2024>

Abstrak

Hadith-hadith yang dinyatakan dalam silibus kurikulum dan diajar di sekolah mesti dipastikan kesahihannya dengan cermat. Penggunaan hadith-hadith yang lemah atau palsu dalam kurikulum, khususnya di peringkat sekolah rendah, boleh menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan analisis takhrij hadith-hadith yang dimuatkan dalam kurikulum sekolah. Melalui kajian ini, pengkaji telah berjaya mengumpulkan enam kajian lepas yang menganalisis kajian-kajian takhrij hadith bagi silibus pembelajaran dalam buku-buku teks agama di sekolah. Kajian-kajian tersebut mengenal pasti dan mengelaskan hadith yang terdapat dalam buku teks berdasarkan status yang telah dikenalpasti. Di samping itu, pengkaji akan mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan untuk memastikan sukatan pelajaran melalui proses pengemaskinian semula. Dengan menggunakan metodologi kajian kepustakaan, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh terhadap analisis takhrij yang telah dilakukan terhadap silibus pembelajaran di sekolah-sekolah. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan pemurnian semula sukatan pelajaran dibuat dengan memastikan hadith-hadith dinyatakan dalam sukatan-sukatan pelajaran adalah memenuhi piawaian Kementerian Dalam Negeri (KDN), di samping penglibatan secara langsung pakar-pakar hadith dalam usaha pemurnian sukatan pelajaran.

Kata kunci: takhrij, hadith, silibus, Pendidikan Islam, pembelajaran

Abstract

The hadiths utilized and taught within school curricula must be meticulously authenticated to ensure their validity. The inclusion of weak or fabricated hadiths, particularly at the primary school level, can lead to the misunderstanding of Islamic teachings among students. Therefore, this study aims to compile and review previous research related to the analysis of hadith authentication (takhrij) within school curriculum. Through this study, the researcher has successfully gathered six previous studies that examine the takhrij analysis of religious education syllabus in school textbooks. These studies identify and classify the hadiths found in textbooks based on their established authenticity. Additionally, the researcher will propose several improvement measures to refine the curriculum. By employing a literature review methodology, this study is expected to provide a comprehensive overview of the takhrij analysis conducted on the educational syllabi in schools. Additionally, this study also suggests a refinement of the curriculum by ensuring that the hadiths included in the syllabus meet the standards set by the Ministry of Home Affairs (KDN), along with the direct involvement of hadith experts in the effort to purify the curriculum content.

Keywords takhrij, hadith, syllabus, Pendidikan Islam, learning

PENDAHULUAN

Sirah Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu disiplin ilmu Hadith yang mengkaji segala tindakan, ucapan, sifat, dan amalan baginda. Sirah Nabawi merujuk kepada segala perbuatan dan ucapan Nabi Muhammad SAW sepanjang hayat baginda, bermula dari kelahiran sehingga kewafatan baginda (Subhi Ibrahim, 1984). Bidang ini adalah salah satu cabang ilmu yang mulia kerana ia bukan sahaja menyebarkan sunnah Rasulullah, tetapi juga melindungi nama baginda daripada dikaitkan dengan hadith-hadith palsu dan tidak sahih.

Islam merupakan agama yang menitikberatkan kesahihan dan ketepatan dalam setiap syariat yang diajarkan. Oleh itu, setiap ilmu agama, terutamanya ilmu Sirah dan Hadith, mesti memastikan ketepatan fakta dan sumber tidak diabaikan. Diriwayatkan daripada Ali Bin Abi Talib, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

لَا تَكْذِبُوا عَلَىَّ، فَإِنَّمَا مَنْ كَذَبَ عَلَىَّ فَلْيَأْتِ النَّارَ.

[al-Bukhāri, Ṣahīh al-Bukhārī, Kitāb al-'Ilm, Bāb Ithmi Man Kadhaba Ala Nabiyy Sallahu 'Alaihi Wa Sallam, nombor hadith 106]

Terjemahannya: Jangan sekali-kali kamu membuat dusta atas namaku, kerana sesiapa yang sengaja berdusta atas namaku, pasti tempatnya adalah di neraka.

Hadith yang disebutkan di atas menegaskan kesahihan setiap riwayat atau fakta yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW perlu diberi perhatian serius. Ketepatan fakta ini dapat dipastikan dengan merujuk kembali kepada sumber asalnya, seperti Al-Quran, kitab-kitab Hadith, kitab-kitab Sirah, dan buku-buku sejarah Islam. Proses ini dikenali sebagai takhrij (Mar'ashli, 2008).

Di Malaysia, Sirah Nabawi adalah salah satu mata pelajaran yang diajarkan di pelbagai sekolah. Melalui kurikulum Pendidikan Islam, pelajar diajar mengenai tokoh-tokoh Islam dan juga sejarah hidup Rasulullah SAW. Selain sekolah kebangsaan, Sirah Nabawi juga diajar di kelas Agama dan Fardū 'Ain (KAFA) negeri, Sekolah Rendah Agama (SRA), dan Sekolah Rendah Islam (SRI). Pendidikan Islam, yang merangkumi sukatan Sirah Nabawi, juga menjadi sebahagian daripada subjek teras di sekolah-sekolah swasta yang mengikuti kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, sukatan pelajaran ini berbeza antara sekolah-sekolah tersebut disebabkan oleh penerbit dan pembekal buku yang berlainan.

Sekolah-sekolah arus perdana menggunakan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi sekolah-sekolah KAFA, kurikulum mereka disusun dan diatur berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sebelum ini, sukatan pelajaran sekolah-sekolah KAFA dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam di peringkat negeri (Amir Intizam Othman, 8 Ogos 2022).

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang berasaskan analisis takhrij hadith telah dilaksanakan secara meluas di Malaysia. Dalam tempoh sepuluh dekad ke belakang, banyak kajian yang memfokuskan analisis takhrij hadith telah diterbitkan pada pelbagai peringkat pengajian, termasuk pada peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, dan doktor falsafah. Malah, kajian berteraskan analisis takhrij hadith terus berlanjut dilaksanakan hingga kini.

Kajian-kajian takhrij hadith oleh Mohd Nizho Abdul Rahman (2015), Azwansyah Kirin (2016), Gholamneza Nuei (2018), Siti Sarah Izham (2018), Mohammed Fahmi Abdul Hamid, Imam Najm Abdul Rahman Khalaf (2019), Imran Abdul Rahim (2020), Zulhamizan Ismail (2021) dan Abdul Rasydan Mohamad Rusli (2022) menunjukkan bahawa kajian berteraskan takhrij hadith masih lagi relevan dan terus dilaksanakan. Usaha mentakhrij hadith sangat penting dalam menilai kesahihan hadith-hadith yang digunakan dalam buku-buku ilmiah, termasuk buku-buku teks sekolah. Malah,

analisis takhrij hadith kini semakin meluas dalam dunia pendidikan. Pengamalan analisis takhrij terhadap hadith-hadith dalam sukanan pelajaran juga berterusan hingga ke hari ini.

Nidzamuddin Zakaria, Adel M. Abdul Aziz, dan Ahmad Kamel Mohamed (2007) telah bekerjasama dalam menganalisis keberkesanan sukanan pelajaran Sirah Nabawi yang diajarkan di Sekolah Rendah Agama di Sepang, Selangor. Dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan soal selidik, kumpulan pengkaji telah mengkaji keberkesanan sukanan pelajaran di lokasi kajian tersebut. Hasil kajian menunjukkan beberapa kelemahan dalam pengajaran, termasuk kekurangan bahan bantu mengajar dan sumber rujukan untuk guru. Walaupun kajian ini berfokuskan kepada aspek pedagogi, ia merupakan antara kajian awal yang meneliti dan menganalisis sukanan pelajaran Sirah Nabawi di sekolah-sekolah.

Pada tahun 2009, Ahmad Sanusi Azmi dan Adel M. Abdul Aziz telah membentangkan kertas kerja di Seminar Takhrij Hadith Nusantara yang bertajuk "Keperluan Takhrij Terhadap Buku Teks Sirah di Negeri Sembilan". Kertas kerja ini membincangkan beberapa fakta dalam buku teks Sirah yang digunakan di sekolah KAFA yang memerlukan penilaian semula. Dalam kajian tersebut, penyelidik juga menyuarakan kebimbangan mengenai penggunaan hadith-hadith yang sangat lemah dan palsu dalam sukanan pelajaran Sirah. Penyelidikan ini memberi impak yang signifikan terhadap dunia pendidikan, khususnya dalam bidang Sirah dan Hadith, dan telah memacu penyelidikan lanjut mengenai sukanan pelajaran Sirah di sekolah-sekolah KAFA di Negeri Sembilan.

Pada tahun 2015, Norhasnira Ibrahim, Kauthar Abdul Kadir, dan Siti Nur ‘Ain Zainul Ariffin telah menjalankan kajian takhrij hadith ke atas sukanan pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tingkatan Dua. Menggunakan metodologi analisis data deskriptif, kajian ini menilai 49 hadith yang terdapat dalam buku teks tersebut. Daripada 49 hadith yang dianalisis, 34 hadith didapati sahih, 6 hadith hasan sahih, 1 hadith hasan sahih gharib, 1 hadith hasan, 6 hadith daif, dan 1 hadith palsu. Di antara 6 hadith yang dikategorikan sebagai daif, 2 adalah matruk, 1 hadith diklasifikasikan sebagai munkar, 2 hadith dinyatakan diriwayatkan oleh perawi majhul, dan 1 hadith oleh perawi yang lemah. Selain itu, beberapa hadith yang dilaporkan juga disandarkan kepada periwayat yang salah.

Hasil kajian ini telah menjadi kayu ukur dalam menilai tahap kesahihan hadith dalam buku teks untuk sukanan pelajaran arus perdana. Penemuan yang menunjukkan 3 (tiga) hadith sebagai daif berat dan 1 (satu) hadith palsu menunjukkan perlunya semakan semula dibuat oleh ahli akademik. Kajian ini juga menggalakkan pihak berkuasa untuk meneliti kembali hadith-hadith yang dimuatkan dalam sukanan pelajaran bagi peringkat rendah dan menengah dengan tujuan untuk mengatasi penyebaran hadith daif berat dan palsu dalam masyarakat.

Pada tahun 2018, Abdul Latef Alhadri dan Muhamad Rozaimi Ramle telah menganalisis dan mentakhrij hadith-hadith yang terdapat dalam buku teks KAFA untuk mata pelajaran Akidah. Buku teks yang dikaji adalah terbitan Penerbitan Fargoes Sendirian Berhad yang telah diperakui oleh JAKIM. Kajian ini memberi impak signifikan dalam bidang pendidikan, khususnya sebagai penanda aras untuk kandungan buku teks yang dikeluarkan oleh JAKIM. Pengkaji telah menganalisis 6 hadith yang terdapat dalam buku teks Akidah bagi Tahun 1 hingga 6.

Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 6 hadith yang ditakhrij, hanya 3 hadith yang diterima, 2 hadith diriwayatkan dengan ketidaktepatan, dan 1 hadith tidak mempunyai asal yang sah. Kumpulan penyelidik juga mendapati bahawa bilangan hadith berkaitan akidah yang disebutkan dalam silibus tersebut adalah sangat terhad, dengan tiada hadith disertakan dalam buku teks Akidah Tahun 3, 4, dan 5. Situasi ini boleh mengakibatkan pelajar kurang pendedahan kepada akidah yang sepatutnya bersumberkan Al-Quran dan Hadith. Pengkaji telah mencadangkan supaya lebih banyak hadith dimuatkan ke dalam sukanan berikut sumber akidah hanyalah daripada Al-Quran dan Hadith.

Abdul Latef Alhadri (2019) juga telah menjalankan kajian terhadap hadith-hadith dalam buku teks JAKIM serta buku teks Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) yang dikelola oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Dengan menggunakan pendekatan kualitatif analisis dokumen, sebanyak 68 hadith telah ditakhrij dan dinilai. Dari jumlah tersebut, 39 hadith didapati tidak mempunyai sebarang masalah, manakala 29 hadith yang selebihnya menghadapi isu seperti kesilapan nukilan, kelemahan, dan ketidak-sahihan.

Abdul Rasydan Mohamad Rusli (2022) juga telah melakukan kajian takhrij hadith terhadap buku teks Tahun 1 hingga 5 untuk mata pelajaran Sirah di kelas KAFA Negeri Sembilan. Dari 55 hadith yang dianalisis, 30 hadith didapati sahih. Antaranya, 11 hadith diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari, 7

hadith dalam Sahih Muslim, 9 hadith terdapat dalam kedua-dua sumber tersebut, dan 3 hadith dari periyawat lain. Sebaliknya, 25 hadith yang tinggal adalah lemah, termasuk 15 hadith yang daif ringan, 7 hadith daif berat, 2 hadith tiada asal, dan 1 hadith adalah palsu.

Kajian ini merupakan kajian terkini yang menerapkan kaedah analisis takhrij terhadap hadith-hadith dalam sukanan pelajaran di sekolah-sekolah. Kajian ini juga merupakan kajian lanjutan daripada kajian awal yang dijalankan oleh Ahmad Sanusi Azmi dan Adel M. Abdul Aziz.

METOD KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, analisis dokumen deskriptif telah dibuat dengan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan usaha takhrij hadith yang telah dilakukan terhadap sukanan-sukanan pelajaran di Malaysia. Selain itu, kaedah temu bual bersama Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan, Encik Amir Intizam Othman, juga telah dijalankan bertujuan untuk memperoleh informasi mengenai pentadbiran Bahagian Pendidikan terhadap kelas KAFA, terutamanya mengenai sukanan pelajaran. Kaedah temu bual ini juga bertujuan untuk menekankan nilai-nilai tambahan yang dapat dipelajari dan diterapkan oleh pelajar.

PERBINCANGAN

Analisis kajian-kajian analisis takhrij terhadap buku teks

Kajian literatur terhadap kajian-kajian takhrij hadith di Malaysia menunjukkan tiga persamaan signifikan. Pertama, semua kajian tersebut mempunyai persamaan dari sudut objektif kajian, iaitu bagi menentukan status hadith-hadith yang ditulis dalam sukanan-sukanan pelajaran. Perkara ini membuktikan penekanan terhadap keaslian dan ketepatan maklumat yang diajarkan kepada pelajar perlu dititikberatkan. Nabi Muhammad SAW bersabda:

يَكُونُ فِي أَخْرِ الزَّمَانِ دَجَالُونَ كَذَّابُونَ يَأْتُونَكُمْ مِنَ الْأَحَادِيثِ بِمَا لَمْ تَسْمَعُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ فَإِيَّاكُمْ وَإِيَّاهُمْ لَا يُضْلِلُنَّكُمْ وَلَا يَقْتُلُنَّكُمْ.

[Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Bāb al-Muqaddimah, nombor hadith 7]

Terjemahannya: Pada akhir zaman kelak, akan ada para dajjal dan pendusta datang kepada kamu dengan membawa berita (hadith) yang tidak pernah kamu dan ayah-ayah kamu mendengarnya, maka berhati-hatilah dengan mereka agar ianya tidak menyesatkan kamu dan tidak memporak-perandakanmu.

Kedua, kajian-kajian tersebut sering memberi tumpuan kepada sukanan pelajaran di sekolah rendah dan menengah. Fokus ini menegaskan kepentingan mendidik pelajar dengan maklumat yang sahih dan tepat mengenai ajaran Islam. Faisal Ahmad Shah (2016) menyatakan bahawa salah satu cara penyebaran hadith dalam kalangan masyarakat Melayu adalah melalui pendidikan formal di sekolah-sekolah. Oleh itu, adalah penting untuk memberi perhatian kepada kesahihan dan ketepatan hadith agar penyebaran hadith-hadith yang tidak sahih dapat dihentikan.

Ketiga, kajian-kajian ini umumnya menggunakan metodologi yang sama, termasuk analisis dokumen, takhrij hadith, serta teknik seperti temu bual, pemerhatian, atau soal selidik. Penggunaan metodologi yang pelbagai dalam sesuatu kajian dapat memastikan hasil kajian yang komprehensif dan tepat. Hasil dari kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa hadith-hadith daif berat sering wujud dalam setiap kajian takhrij dan analisis hadith yang dilakukan (Jadual 1).

Jadual 1: Bilangan hadith mengikut status

No.	Pengkaji	Bilangan Hadith				
		Sahih	Hasan	Daif Ringan	Daif Berat	Palsu
1	Norhasnira Ibrahim	41	1	3	3	1
2	Abdul Latef Alhadri dan Muhamad Rozaimi Ramle	3	0	0	0	0
3	Abdul Rasydan Mohamad Rusli	30	-	15	7	1

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Abdul Latef Alhadri (2019) serta oleh Ahmad Sanusi Azmi dan Adel M. Abdul Aziz (2009), penekanan diberikan kepada hadith-hadith yang mengalami kesilapan dalam penulisan serta fakta-fakta yang bersumberkan daripada hadith yang lemah sedangkan terdapat hadith yang lebih sahih menceritakan hal yang berbeza.

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini menggambarkan usaha berterusan para pengkaji dan ahli akademik dalam analisis takhrij hadith dan penilaian kesahihan hadith dalam sukatan-sukatan pelajaran di Malaysia. Konsistensi dalam objektif dan metodologi kajian menggambarkan komitmen terhadap menjaga keaslian fakta yang berkait dengan Nabi Muhammad SAW dan ketepatan ajaran Islam yang diajar kepada para pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan dalam kajian-kajian lepas yang perlu ditangani. Di antara kekurangan tersebut ialah kurangnya kajian terhadap impak hadith-hadith terlalu lemah dan palsu dalam kalangan pelajar. Hal ini memerlukan penyelidikan yang lebih mendalam serta penerapan teknologi dalam proses takhrij. Peningkatan mutu dalam pedagogi dan semakan semula sukatan pelajaran adalah langkah-langkah penting untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia.

Cadangan penambahbaikan

Untuk memastikan hadith-hadith yang digunakan dalam buku-buku teks pendidikan Islam adalah hadith-hadith yang maqbul (diterima), adalah penting untuk melakukan takhrij hadith secara menyeluruh terhadap hadith-hadith ini. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa terdapat penggunaan hadith yang lemah dan palsu dalam sukatan pelajaran, yang membuktikan keperluan mendesak untuk menilai semula kesahihan hadith yang terdapat dalam buku-buku teks. Norhasnira Ibrahim dan Kauthar Abdul Kadir (2014) mengesyorkan agar analisis takhrij dilakukan terhadap semua sukatan pelajaran di sekolah-sekolah.

Begitu juga, Abdul Latef Alhadri (2019) menegaskan pentingnya proses takhrij terhadap hadith-hadith dalam buku-buku teks di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Menengah Agama (SMA), dan lain-lain setelah beliau menganalisis buku teks KAFA JAKIM dan KSRA JAIS. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menjalankan analisis takhrij secara komprehensif terhadap semua buku teks yang digunakan dalam pendidikan Islam di Malaysia, bagi memastikan hanya hadith yang sah dan boleh diterima sahaja digunakan dalam sukatan-sukatan pelajaran.

Di samping itu, adalah amat penting untuk setiap buku teks yang mengandungi hadith dalam sukatan pelajaran mematuhi Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Hadith yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Garis panduan ini memberikan panduan terperinci tentang cara hadith harus ditulis, disusun, dan diterbitkan untuk memastikan kesahihan dan keaslian maklumat yang disampaikan. Dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh KDN, kualiti buku-buku teks Pendidikan Islam dapat ditingkatkan dari sudut ketepatan dan keaslian hadith yang digunakan, sekaligus

mengurangkan risiko penyebaran hadith lemah dan palsu yang boleh menyebabkan salah faham terhadap agama dalam kalangan pelajar.

Salah faham terhadap agama boleh berlaku melalui pelbagai cara. Di antaranya ialah salah faham dalam penafsiran dan pemahaman terhadap hadith (Amran Abdul Halim et al., 2020). Hadith-hadith yang bersifat daif berat atau palsu seperti peristiwa Rasulullah SAW berjumpa dengan wanita tua yang berbongkok sebagai tanda kiamat yang semakin dekat dan kisah Rasulullah SAW bertemu Buhaira ketika dalam perjalanan berdagang ke Syam seharusnya dielakkan untuk tersebar dalam kalangan pelajar (Abdul Rasydan Mohamad Rusli, 2022). Sehubungan itu, proses mentakhrij dan menyemak status sesebuah hadith seharusnya menjadi keutamaan para penggubal sukatan bagi mengelakkan hadith-hadith yang bertaraf *mardud* dinyatakan dalam sukatan-sukatan pelajaran.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan agar pakar hadith dilibatkan secara langsung dalam proses penulisan atau penyusunan semula buku teks. Pakar-pakar hadith, yang memiliki pengetahuan mendalam tentang kaedah takhrij dan penentuan kesahihan hadith, dapat memberikan panduan yang berharga dalam memastikan hadith yang dimasukkan ke dalam buku-buku teks adalah sahih dan sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan pakar hadith juga akan memastikan hadith-hadith tersebut dinukilkan dengan tepat dan dipersembahkan mengikut konteks yang benar, seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan Islam di Malaysia serta memastikan ketepatan ilmu yang diajarkan kepada pelajar.

Isu bacaan Surah Yasin juga di antara contoh amalan yang telah tersebar dalam kalangan masyarakat yang bermula dengan didikan di sekolah-sekolah. Hadith-hadith utama yang melibatkan fadilat bacaan Surah Yasin kesemuanya daif dan tidak mampu dinaikkan martabatnya ke taraf *hasan lighairihi* disebabkan penyakit hadith yang berbeza di antara kesemua hadith yang berkaitan (Mohd Tajuddin Ismail, 2012). Amalan-amalan sunnah yang bersumberkan hadith-hadith yang *maqbul* seharusnya diberi keutamaan dalam galakan beramal di sekolah.

Abdul Latef Alhadri (2019) dan Abdul Rasydan Mohamad Rusli (2022) juga menekankan perlunya tindakan segera oleh pihak berkuasa untuk memperbetulkan hadith-hadith yang terbukti sangat lemah dan palsu. Hadith-hadith ini bukan sahaja perlu diperbetul tetapi juga digantikan dengan kisah-kisah yang lebih sahih dan tepat. Sebagai contoh, kisah mukjizat Nabi Muhammad SAW seperti doa baginda yang dimakbulkan oleh Allah SWT untuk menurunkan hujan (*Sahīh al-Bukhārī*, hadith nombor 6342), kisah *al-Ifk* (*Sahīh al-Bukhārī*, hadith nombor 4750), dan kisah-kisah lain yang telah disahkan kesahihannya sepatutnya diberikan keutamaan dalam sukatan pelajaran. Terdapat banyak pengajaran yang dapat dipelajari daripada peristiwa-peristiwa tersebut.

Selain itu, Abdul Latef Alhadri (2019) juga mencadangkan beberapa kitab yang boleh dijadikan rujukan oleh panel penggubal sukatan pelajaran yang terlibat dalam pembentukan sukatan pelajaran, seperti *Sahih Qisas al-Anbiya'* karangan Sheikh 'Umar Sulayman al-Ashqar, 55 Kisah dari Hadith oleh al-Din Abdul Kadir, dan 40 Kisah yang Membuatkan Nabi Tertawa oleh Mustafar Mohd Suki. Kitab-kitab ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan yang sahih dalam memastikan kandungan sukatan pelajaran lebih berkualiti dan berdasarkan hadith yang diakui keabsahannya.

Meskipun beberapa kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa hadith yang digunakan dalam sukatan pelajaran adalah lemah atau palsu, kebanyakan kajian ini tidak meneliti kesan langsung penggunaan hadith-hadith tersebut terhadap pemahaman dan kepercayaan pelajar. Oleh itu, penyelidikan lanjut amat diperlukan untuk menilai impak penggunaan hadith yang lemah atau palsu terhadap pelajar. Di samping itu, kajian-kajian sedia ada juga kurang menumpukan kepada penggunaan teknologi dalam proses takhrij hadith. Dengan kemajuan teknologi, proses analisis hadith boleh diperkasakan melalui penggunaan perisian khusus dan pangkalan data digital, yang lebih efisien dan memudahkan proses takhrij hadith.

Penggunaan teknologi dalam proses mengenal pasti status hadith berpotensi untuk memperkuatkannya usaha memelihara kesahihan dan ketepatan hadith. Aplikasi dalam talian seperti sunnah.com, dorar.net/hadith, dan semakhadis.com boleh digunakan sebagai alat bantu untuk mendapatkan gambaran awal mengenai status dan teks hadith. Namun demikian, adalah penting untuk melakukan pembacaan yang lebih mendalam dan merujuk kepada kitab-kitab hadith asal bagi memastikan kesahihan maklumat yang diperoleh daripada aplikasi-aplikasi tersebut.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan oleh Nidzamuddin Zakaria et al. (2007) juga menegaskan kekurangan bahan bantu mengajar dan sumber rujukan untuk guru, yang menunjukkan keperluan bukan sahaja untuk analisis hadith yang teliti tetapi juga untuk peningkatan aspek pedagogi.

Guru-guru perlu dilengkapi dengan alat bantu mengajar yang mencukupi agar dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Sementara itu, kajian oleh Norhasnira Ibrahim et al. (2015) dan Abdul Latef Alhadri (2018; 2019) menekankan variasi dalam hadith yang ditakhrij, mencerminkan pentingnya usaha takhrij hadith dan perlunya pelbagai pendekatan untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan hadith yang diajarkan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, penyelidikan ini berfokus pada usaha memperbaiki dan memperkuuhkan kesahihan hadith yang terdapat dalam buku teks pendidikan Islam di Malaysia. Melalui proses takhrij yang teliti terhadap semua buku teks, kepatuhan terhadap piawaian Garis Panduan KDN, serta penglibatan aktif pakar hadith dalam proses penstrukturran semula buku teks, kita dapat memastikan bahawa para pelajar menerima ajaran Islam yang sahih dan berwibawa. Langkah-langkah ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam serta mencegah penyebaran maklumat yang tidak tepat kepada generasi muda.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan Ansar al-Hadith di atas sokongan terhadap kajian ini dan pembiayaan kertas kerja ini.

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abdul Latef Alhadri & Muhamad Rozaimi Ramle. (2018). A critical analysis of prophetic narrations mentioned in KAFA JAKIM's Aqīdah textbook. *The Journal of Social Sciences Research, Special Issue*, (6), 1264-1271. Academic Research Publishing Group.
- Abdul Latef Alhadri. (2019). Analisis hadis dalam buku teks KAFA JAKIM dan buku teks KSRA JAIS. (Master Thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rasydan Mohamad Rusli. (2022). Examining The Narration of Prophetic Biography in Negeri Sembilan's Primary School Textbook: A Retracement Study. (Master Thesis). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Sanusi, A., & Adel, M. A. A. (2009). Keperluan Takhrij terhadap buku teks sirah di Negeri Sembilan. In Seminar Takhrij Ḥadīth Nusantara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Bukhāri, M. B. I. (1980). *al-Jāmi' al-Sahīh al-Musnad al-Mukhtaṣar Min Umūri Rasulillahi Wa Sunanihi Wa Ayyāmihī*. Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah.
- Ali Mustafa Yaakub. (2003). Hadis-hadis Bermasalah. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Al-Mubārakfuri, S. B. A. B. M. A. (1976). *al-Rahīq al-Makhtūm*. Al-Isma'iiliyyah: Maktabah al-Nur al-Islamiy.
- Al-Ṣalīḥ, S. I. (1984). *Ulūm al-Ḥadīth Wamustalaḥuhu - 'Aradu Wadirāsatuhu*. Beirut: Dar al-I'lmi Lilmalāyīn.
- Amran A. H., Abdulloh S., Shumsuddin Y., Walid M. S., Mesbahul H., & Helimy A. (2020, November 24–25). Isu-isu salah faham hadith di Malaysia: Satu tinjauan. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Online. e-ISBN: 978-967-2122-78-4.
- Amir Intizam Othman. (2022, August 8). Deputy Director of the Education Division. Negeri Sembilan Islamic Affair Department. (Personal Interview).
- Ibn Hisham, A. B. H. (1955). sirah Ibn Hisham. Mesir: Sharkah Maktabah Wa Muṭaba'ah Muṣṭofā al-Bābi al-Ḥalbi Wa Aulādīh.
- Faisal Ahmad Shah (2016). Penyebaran hadis palsu dalam media massa dan media sosial: Realiti dan cabaran. *Jurnal Hadis*, 6(11): 9–27.
- Malaysia. Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan. (2021, July 27). Mengenai JHEAINS (pendidikan). Diambil daripada <https://jheains.ns.gov.my/organization/bahagian/pendidikan>
- Mar'ashli, Y. (2008). *Ilm Tarkrij al-Ḥadīth Wa Bayān Kutub al-Sunnah al-Mushrifah*. Beirut: Dar al-Marefah.
- Mohd Khairul Nizam, & Muhammad Mustaqim. (2016). Kajian tinjauan semakan kurikulum Tahun 1 Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). (JAWI Grant Research). The Islamic Science University of Malaysia.

- Mohd Tajuddin Ismail. (2012). Kajian pengurusan jenazah di Pulau Pinang menurut Hadith (Master thesis). Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Rozaimi Bin Ramle. (2014). al-Manhaj al-Naqdi Li Riwayat al-Maghazi Wa al-Siyar ‘Inda Ibn Qayyim al-Jauziyah: Dirāsah Taṭbiqiah ‘Ala Kitāb Zād al-Ma’ād Fi Hadi Khair al-‘Ibād. (PhD Thesis). The University of Jordan.
- Muslim, A. al-H. M. B. al-H. al-Q. al-N. (1997). Sahih Muslim. Riyadh: Dar al-Tibah.
- Nidzamuddin, Z., Adel, M. A. Z., & Ahmad Kamel, M. (2017). Pengajaran sirah Rasul di Sekolah Rendah Agama: Kajian Teroka Terhadap Sukatan dan Keberkesanannya di Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. The Islamic Science University of Malaysia.
- Nidzamuddin, Z., Wan Nur Amirah, W. M. S., Asna Bisharah, A. S., & Nur’Ezzati, M. A. (2019). Keberkesanan Mata Pelajaran sirah Rasul di Sekolah Rendah Islam (SRI) IKRAM Musleh: Satu Tinjauan di Negeri Sembilan. *Journal of Ḥadīth Studies*, 4(2), 77-84.
- Norhasnira, I., Kauthar, A. K., & Siti Nur ‘Ain, Z. A. (2015). Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 2 KBSM. *Ma’alim al-Qur’ān Wa al-Sunnah*, X(11), 166-193. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.